

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN SARAWAK

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2022

SITASI :

M/S : 9

Ramdzan Saman. "Pustaka Sarawak sertai Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia."
Utusan Sarawak, 19 September 2022, m.s. 9



UCAPAN... Ramdzan Saman berucap pada Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia di Pustaka Negeri Sarawak di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Pustaka Sarawak sertai Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia

KUCHING: Pustaka Negeri Sarawak menyertai Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), baru-baru ini.

Konvensyen tersebut diketuai oleh Ketua Kontinjen Ramdzan Saman dan Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad bertempat di Pulau Pinang pada 5 September hingga 10 September lalu.

Seramai 40 peserta daripada Pustaka Negeri Sarawak terlibat dengan konvensyen yang bertemakan 'Jati Diri Berbudaya Peduli Info' ini dan pelbagai program dianjurkan seperti seminar, pameran, bengkel dan Sayembara Terampil Berbicara, Penglipur Lara, Sukan Pantai, Sukan Rakyat, Kenduri Rakyat dan Sembang Santai.

Penolong Pustakawan, Nur Farhan Aini mewakili Pustaka Negeri Sarawak memperoleh Pingat Perak (Naib Johan) untuk Pertandingan Sayembara Terampil Berbicara

manakala kontinjen Pustaka lain turut memperoleh beberapa pingat hasil kemenangan secara berkumpulan campuran setiap negeri.

Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia ini diadakan untuk julung kalinya oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang sebagai tuan rumah dan seterusnya adalah Johor pada 2024 kelak.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai seranta Nur Ashikin Ahmad dari Unit Komunikasi di talian 0111-0870191 atau e-mel nuraa2@sarawak.gov.my.